

Ranking Universiti Sentiasa Diberi Perhatian - Muhyiddin Bernama
12 Sept, 2013
Daripada Abdul Aziz Harun

LONDON, 12 Sept (Bernama) -- Kementerian Pendidikan sentiasa memberi perhatian kepada soal ranking universiti dalam negara bagi melihat sekiranya ia dapat dibantu bagi memperbaiki kedudukannya dalam senarai ranking universiti terbaik dunia.

Timbalan Perdana Menteri yang juga Menteri Pendidikan Tan Sri Muhyiddin Yassin berkata bagaimanapun kedudukan naik turun dalam senarai ranking itu adalah perkara biasa, dan kedudukan sesebuah universiti tidak seharusnya dilihat dalam satu-satu masa tertentu sahaja, sebaliknya perlu dilihat dalam satu tempoh jangka masa sederhana dan panjang.

Beliau berkata pihak universiti pula perlu membuat analisis sendiri untuk melihat apakah faktor yang menyumbang ke arah penurunan ranking sekiranya ia berlaku, dan jika faktornya telah dikenal pasti, kerajaan mungkin boleh campur tangan untuk memperbaiki kedudukan ranking itu.

"Ini bukan baru, dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) yang dilancarkan baru-baru ini, antaranya (sasarannya) kita nak lihat ada peningkatan daripada segi kedudukan universiti dalam negara," katanya kepada kumpulan wartawan Malaysia yang membuat liputan lawatan kerja beliau ke United Kingdom, Rabu.

Muhyiddin berkata demikian semasa mengulas ranking universiti dunia yang dikeluarkan QS World University Ranking baru-baru ini yang menunjukkan bahawa rata-rata kedudukan universiti awam Malaysia terus merosot dalam senarai, dengan hanya Universiti Malaya (UM) masih berada dalam kelompok 200 universiti terbaik dunia tahun ini.

Hanya tujuh universiti Malaysia berada dalam kelompok 800, dan hanya Universiti Teknologi Malaysia (UTM) menunjukkan sedikit peningkatan iaitu daripada kedudukan 358 pada tahun 2012, kepada 355 tahun ini.

Muhyiddin berkata negara-negara lain juga pada masa yang sama tidak berhenti dalam usaha meningkatkan prestasi universiti masing-masing, dan sesetengah mereka mempunyai sumber yang lebih besar, dan ada antara universiti itu sudah beroperasi sejak beratus tahun lamanya.

"Walaupun ranking penting untuk melihat tanda aras di mana kita berada, saya juga tidak mahu melihat pengurusan universiti terlalu leka dengan ranking, kalau tidak, nanti ada kesan sampingan.

"Sebagai contoh, nanti hanya pelajar yang paling baik sahaja akan diterima universiti, manakala yang kurang cemerlang mungkin langsung tidak diberi perhatian kerana dikhuatiri akan menjejaskan ranking universiti," katanya.

Beliau berkata keadaan di Malaysia agak berbeza sedikit berbanding negara-negara lain apabila ia juga mengambil kira soal keadilan sosial, dan juga matlamat lain, dalam masa sama turut memperakui kepentingan aspek ranking.

Katanya, Malaysia perlu mengambil kira soal objektif sosioekonomi, dengan membantu menyediakan peluang dan ruang buat pelajar yang agak kurang cemerlang memasuki

universiti, sekiranya kemasukan ke pusat pengajian tinggi itu boleh meningkatkan pencapaian mereka.

Muhyiddin berkata dalam pertemuan dengan Naib Canselor universiti-universiti dalam negara baru-baru ini, beliau mencadangkan supaya mereka menyediakan satu pelan khusus bagi mengemukakan usul bagaimana mereka boleh mempunyai kuasa autonomi dalam aspek kewangan dan lain-lain selain dapat menggunakan sumber yang diperolehi mereka untuk menaikkan prestasi universiti dalam jangka masa panjang.

"Ini sedang saya kumpulkan, lepas itu kita akan duduk dengan setiap universiti dan bincang bagaimana pelan itu boleh dilaksanakan," katanya.

Sementara itu hari keempat lawatan kerja Muhyiddin ke United Kingdom (UK) dipenuhi dengan beliau meninjau Westminster Kingsway College di London, bagi melihat dengan lebih dekat institusi vokasional British itu.

Beliau yang juga Menteri Pelajaran dan rombongan termasuk Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke UK Datuk Seri Zakaria Sulong tiba di kolej yang terletak di Grays Inn Road itu pukul 2.30 petang waktu tempatan (9.30 malam waktu Malaysia).

Mereka disambut pengetua kolej, Andy Wilson dan warga kerja sebelum dibawa ke bilik mesyuarat untuk diberi taklimat mengenai operasi kolej.

Westminster Kingsway College ialah antara kolej pendidikan lanjutan terbesar di London yang menawarkan kursus dan pendidikan vokasional untuk semua peringkat pengajian bagi kelompok usia 14 dan 19 tahun.

Kini terdapat kira-kira 17,000 pelajar di kolej itu dan sekitar 500 tenaga kerja sepenuh masa.

Ketika taklimat itu, Muhyiddin kelihatan berminat untuk mengetahui bagaimana pendidikan vokasional British berusaha memenuhi keperluan tenaga kerja industri dan pada masa yang sama mengambil kira aspek pemupukan minat pelajar.

Muhyiddin dan rombongannya kemudian dibawa meninjau di sekitar kolej sebelum meneruskan program lawatan kerja lima harinya di UK dengan menghadiri dialog tertutup bersama pemimpin pelajar Malaysia di UK, di Four Seasons Hotel.

Pada sebelah malam, Timbalan Perdana Menteri menghadiri jamuan malam bersama komuniti Malaysia yang dianjurkan oleh pejabat Suruhanjaya Tinggi Malaysia ke UK.

Dalam majlis itu, Muhyiddin menjelaskan kepada tetamu tentang situasi terkini ekonomi, politik dan sosial Malaysia dan hubungan erat dua hala Malaysia-UK.

Beliau menegaskan pendirian Malaysia mengenai isu di Timur Tengah termasuk keadaan kritikal di Mesir dan Syria.

--BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=977098>